

Kwasa Land sasar pendapatan RM65 juta daripada R3-2

KUALA LUMPUR - Kwasa Land Sdn. Bhd. (Kwasa Land) mengunjurkan pendapatan sebanyak yang bakal diperoleh daripada projek pembangunan seluas 932 hektar di Kwasa Damansara dekat sini sebanyak RM65 juta.

Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd. Lotfy Mohd. Noh berkata, jumlah tersebut turut termasuk daripada jumlah perkongsian lima peratus hasil jualan rumah bagi projek berkenaan.

"Projek yang dikenali sebagai R3-2 itu akan membabitkan nilai pembangunan kasar sebanyak 400 juta dan ia bakal dibangunkan dalam tempoh enam tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena majlis menandatangani perjanjian hak pembangunan yang dimeterai Kwasa Land Development Sdn. Bhd., anak syarikat Kwasa Land dengan Impiana Land & Development Sdn. Bhd. (Impiana Land).

Ia adalah untuk pembangunan perumahan oleh pemaju bumiputera di atas tanah seluas 3.51 hektar di Kwasa Damansara.

Perjanjian telah ditandatangani oleh Mohd. Lotfy dan Pengarah Urusan Impiana Land, Datuk Haris Onn Hussein.

Projek R3-2 dibangunkan di atas



MOHD. LOTFY (kiri) bersalaman dengan Haris On selepas majlis menandatangani perjanjian antara Kwasa Land dengan Impiana Land di Kuala Lumpur semalam.

tanah berstatus pegangan bebas dan ia akan membabitkan pembangunan 396 unit kondominium, 20 unit park homes dan 20 unit penthouse dengan harga bermula dari RM650,000 seunit.

Mohd. Lotfy menjelaskan, pembangunan yang berkonsepkan taman bandar ini mewakili 80 peratus daripada kandungan pembangunan landskap hijau, mesra alam bagi menggalakkan gaya hidup sihat, ruang

rekreasi serta santai yang lebih luas.

"Konsep pembangunan R3-2 bakal mencerminkan gaya hidup sihat dan berkualiti dengan reka bentuk strategik yang melangkaui konsep pembangunan tradisional sedia ada.

"Sememangnya, R3-2 akan menjadi pemangkin kepada bandar Kwasa Damansara, memandangkan pelan-carannya yang hampir serentak dengan pembangunan Pusat Bandar MX-1 oleh MRCB," ujarnya.